



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

SIARAN MEDIA

MBPP, PBT PERTAMA DI MALAYSIA TERIMA PENSIJILAN ESG BERINTEGRASI DARIPADA SIRIM

GEORGE TOWN, 17 Januari 2026 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) hari ini merekodkan kejayaan baharu menerusi **Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)** yang merupakan **Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)** pertama di Malaysia untuk menerima pensijilan **Environmental, Social and Governance (ESG)** daripada **SIRIM Berhad**.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming berkata pelaksanaan ESG merupakan antara tonggak penting pembangunan negara yang mampan dan selari dengan aspirasi Malaysia MADANI.

"Kejayaan MBPP memperoleh dua pengiktirafan berprestij iaitu **SIRIM 55:2023 (Sistem Pengurusan ESG)** dan **SIRIM 50:2021 (Sistem Pengurusan Akauntabiliti Sosial)** wajar dijadikan penanda aras dan amalan terbaik kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) lain di seluruh negara.

"Agensi Kerajaan Tempatan adalah barisan hadapan dalam menterjemahkan dasar kelestarian ke peringkat akar umbi dan MBPP telah membuktikan keupayaan tersebut melalui pendekatan yang menyeluruh dan berstruktur," kata beliau pada majlis yang disempurnakan bersama Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Tuan Chow Kon Yeow.

Tambah beliau, pencapaian ini merupakan sebahagian daripada agenda besar KPKT dalam mengarusperdanakan amalan kelestarian global di peringkat kerajaan tempatan.

Sementara itu, YAB Tuan Chow Kon Yeow turut menyifatkan pengiktirafan ini sebagai satu pencapaian yang amat signifikan bagi negeri Pulau Pinang. "Pengiktirafan ESG ini meletakkan MBPP pada kedudukan strategik sebagai rakan pelaksana utama dasar negeri di peringkat bandar dan komuniti. Ia turut mengukuhkan keyakinan masyarakat,

pelabur serta rakan strategik terhadap keupayaan pentadbiran negeri dan pihak berkuasa tempatan dalam mengurus pembangunan secara mampan, sejajar dengan visi Penang2030: Negeri Hijau dan Pintar yang Berteraskan Keluarga serta Menjadi Inspirasi Negara,” ujarnya.

Datuk Bandar MBPP, Dato’ Ir. Rajendran P. Anthony dalam ucapannya menegaskan bahawa pendekatan ESG bukan sekadar keperluan pematuhan, sebaliknya merupakan strategi jangka panjang MBPP dalam memastikan pembangunan bandar Pulau Pinang kekal seimbang, berdaya tahan dan berorientasikan kesejahteraan rakyat.

Dalam pada itu, YB Nga turut memperuntukan **RM3 juta bagi menyediakan enam (6) Taman Rekreasi MADANI (TRM)** di Pulau Pinang, yang dijangka siap sepenuhnya menjelang Hari Natal tahun ini.

KPKT menerusi Jabatan Landskap Negara (JLN) kekal komited untuk menyediakan 1,000 TRM di seluruh negara dalam tempoh 10 tahun, bagi memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa terjamin.

Pada majlis sama, MBPP turut menerima pensijilan Malaysia Book of menerima sebagai PBT pertama untuk menerim dua pengiktirafan ESG tersebut.

#MalaysiaMADANI
#Kemampanan
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

